

ISLAM DAN TENTERA SALIB

“ Mereka – tentera Salib itu – telah menempuh perjalanan yang demikian jauhnya, dengan azam hendak memenggal kepala tiap-tiap orang Islam yang mereka jumpai, tiba-tiba berbalik dan datang merebahkan diri dalam pengakuan Islam dengan suka dan redha, sebaik-baik sahaja mereka berjumpa dengan orang-orang Islam yang bersifat dengan sifat tolak-ansur dan berlapang dada.” Kata Tuan Abdul Rahman Azam di dalam bukunya “*al-Risālah al-Khālīdh*” ketika menggambarkan perkembangan Islam dalam kalangan tentera Salib yang datang merempuh dunia Islam- P.Q.

Ajaran tauhid yang dibawa oleh junjungan kita Nabi Muhammad (SAW) telah mengalahkan segala ajaran lain dengan cepatnya. Bukan sahaja di Timur Tengah dan Afrika Utara tetapi juga telah menembusi Semenanjung Sepanyol Sentaq ke pergunungan Fringe di Selatan Perancis. Semenanjung Sepanyol telah menjadi Negara Islam dan kerajaan Byzantine telah ditumbangkan. Dengan kekuatan yang berpusat di timur, Islam telah mengembangkan sayapnya di Eropah Tenggara dan dengan itu terkembanglah bahasa dan peradaban Turki Islam di sana, sebagaimana terlebih dahulu daripada itu telah terkembang bahasa dan adat istiadat Arab dibahagikan barat dayanya.

Berbahagiaulah umat-umat yang telah turut berjuang, dengan jujur dan ikhlas, mengembangkan ajaran Islam ini.

Bangsa Arab, bangsa Turki ataupun bangsa-bangsa yang lain. Mereka dianugerahi Allah kebesaran dan kerajaan yang tidak ada taranya. Perhatian dunia berkumpul kepada mereka. Sehingga bangsa-bangsa yang telah maju dan mempunyai peradaban dan kedudukan yang tinggi di dalam sejarah, datang menyatukan diri, melebur bangsa dan bahasanya ke dalam kebangsaan dan bahasa pembawa ajaran Islam itu.

Bangsa Arab dan Bangsa Turki

Bangsa Arab dan bangsa Turki, jauh terdahulu

sebelum zahir Islam telah pernah membuka dan mendirikan negara, tetapi mereka tidak pernah mendapat nama kedudukan yang demikian harumnya melainkan sesudah mereka berjuang dengan berdasarkan Islam.

Kedua-dua bangsa yang tekenal keberanian dan kekuatannya dalam berperang, yang terkenal kebuasan dan kekejamannya dalam sejarah lama, setelah mendapat petunjuk *al-Qur'ān* yang memimpin mereka kepada keadilan, yang menyuruhkan mereka taat kepada Allah *'azza wajalla*, dapat menarik bangsa-bangsa yang mereka datangi di Eropah, di Asia dan di Afrika, kepada agama mereka (Islam), dengan mudah dengan sifat bertolak ansur, kebaikan budi, dan ketinggian akhlak mereka, bukan dengan paksaan dan bukan dengan kekejaman.

Tentera Salib Memeluk Islam

Banyak bangsa-bangsa yang pada mulanya beragama Kristian, dengan suka hatinya telah memeluk Islam dengan taat setianya, semata-mata kerana tertarik kepada kebenaran dan ajaran Islam yang bertujuan mulia, serta keelokan budi pekerti bangsa yang mendatangi mereka, yang telah memeluk Islam itu lebih dahulu. Bahkan tentera Salib yang dikumpulkan dari berbaga-bagai bangsa dan negeri, yang masih terkandung di dalam diri mereka perasaan bencikan Islam dan

umat Islam, dan tangan mereka masih berlumuran dengan darah kekejaman mereka, baik yang telah ditimpakan kepada orang-orang mereka sendiri yang berlainan mazhab atau yang telah ditimpakan kepada orang lain, tentera Salib yang demikian keadaannya, yang telah dikerahkan supaya merempuh ke Timur bagi memerangi Islam dan meleburkan umat Islam, dengan tidak semena-mena telah berpaling tadah lalu memeluk Islam dan menjadi orang Islam yang taat, setelah mereka mendapat kesempatan mempelajari ajaran-ajaran yang terkandung di dalam agama yang diperangi itu dan sesudah mereka ketahui ketinggian adab dan budi pekerti bangsa yang mereka hendak hancur-leburkan itu.

Mereka (tentera Salib itu) telah menempuh perjalanan yang demikian jauhnya, dengan azam hendak memenggal kepala tiap-tiap orang Islam mereka jumpai, tiba-tiba berbalik dan datang merebahkan diri dalam pengakuan Islam dengan suka dan redha, sebaik-baik sahaja mereka berjumpa dengan orang-orang Islam yang bersifat dengan sifat tolak-ansur dan berlapang dada itu.

Inilah pengaruh *tasāmuḥ* (sifat berlapang dada) yang amat menakjubkan!

Di antara panglima-panglima tentera Salib yang telah memeluk Islam dalam zaman perang Salib yang pertama ialah Renauld, Panglima Pasukan Jerman, termasuk banyak pengikut-pengikutnya dan orang-orang Salib yang lain.

Dalam perang Salib yang kedua, menurut Sir Thomas Orland, yang telah menukulkan riwayat paderi Saint Denise, paderi bagi gereja Louis yang ketujuh, bahawa sejumlah besar tentera Salib telah memeluk Islam.

Paderi itu menulis: Bahawa suatu angkatan tentera Salib telah dikerah berangkat ke Baitul Maqdis pada tahun 1148 m. Lalu ditentang oleh tentera Islam dan akhirnya tentera kita (tentera Salib) telah menerima paluan yang teruk. Kira-kira tiga atau empat ribu dari tentera kita telah cuba

melarikan diri tetapi mereka telah dikejar dan dikepung oleh tentera Islam. Tidak ada harapan yang dapat menyelamatkan mereka selain daripada belas kasihan musuh mereka, kerana tentera Islam setelah melihat kesengsaraan mereka, timbullah rasa belas kasihan lalu berhenti daripada menyerang dan datang memberi bantuan kepada tentera kita yang hampir-hampir binasa, dengan ubat-ubat dan makanan.

Lebih lanjut paderi itu menulis: Demikianlah baiknya budi orang-orang Islam, bukan seperenggan itu sahaja, bahkan mata wang Perancis yang telah diambil oleh orang-orang Yunani daripada Jemaah Haji Kristian (ketika mereka menumpang kapal-kapal pemiagaan Yunani dengan membayar tambang yang berlipat ganda mahalnya-P) lalu dikumpulkan dan dikembalikan kepada Jemaah Haji yang telah ditimpa kesengsaraan (dalam perjalan ketika peperangan Salib itu sedang marak dengan dahsyatnya- P.). Paderi itu menulis lagi:

“Demikianlah besar perbezaannya, perbuatan orang-orang Islam (musuh kita) terhadap jemaah haji Kristian jika dibandingkan dengan perbuatan saudara-saudara kita yang seagama (orang Yunani), yang mengkhianati, menipu, menganiayai, dan merampas hak milik mereka” (jemaah haji Kristian itu-P.)

“Demikianlah besarnya perbezaan itu! Dan inilah yang telah menarik orang-orang Salib memeluk Islam, agama musuh yang telah menyelamatkan jiwa mereka.

“Tiga ribu tentera Salib telah diberi roti oleh tentera Islam semata-mata kerana belas dan kasihan, tetapi dengan sifat-sifat itulah dapat menawan hati musuh mereka kepada memeluk agama mereka.

“Alangkah sayangnya! Tiga ribu orang telah keluar meninggalkan agama Kristian lalu memeluk Islam, dengan tidak dipaksa sedikit jua pun?” demikian paderi itu bertanya.

Perhubungan yang Menguntungkan

Sir Thomas Orland menulis pula: Dari sehari ke sehari, perhubungan orang Kristian semakin rapat dengan orang-orang Islam, dan dengan itu makin bertambah pula kehormatan dan penghargaan mereka kepada orang-orang Islam yang mempunyai sifat-sifat yang terpuji itu. Orang-orang Kristian yang datang mengunjungi Palestin telah meniru adat istiadat kaum Muslimin. Hal ini jelas kelihatan dalam cara mereka mengenai soal keagamaan.

“Salah satu sifat kaum Muslimin yang banyak ditiru oleh orang-orang Salib ialah sifat “*tasāmuḥ*” (berlapang dada) dalam agama. Pahlawan berkuda tentera Salib, sesudah banyak bergaul dengan orang-orang Islam dan sesudah banyak mempunyai dasar-dasar ajaran Nabi Muhammad, maka banyaklah yang mempunyai sifat berlapang dada yang mulia itu.”

Bukan sahaja sifat berlapang dada kaum Muslimin yang telah menarik hati orang-orang Salib meninggalkan agamanya dan pindah memeluk agama Islam tetapi juga sifat-sifat kepewiraan dan keberanian tentera Islam

Menurut catatan sejarah, banyak tentera Salib kerana takjub tentang keberanian dan kepewiraan Sultan Ṣalāḥ al-Din al-Ayūbī, menyebabkan mereka tertarik memeluk Islam, baik dari golongan panglima dan pemimpin atau pun dari golongan tentera biasa. Di antaranya ialah panglima tentera Salib Inggeris yang bernama: Cobert Saint Elyan. Ia telah memeluk Islam sebelum Ṣalāḥ al-Din menempai kemenangan yang akhir di medan perang “*Ḥiṭṭin*”, yang di dalamnya Raja “*Gi*” (Raja Kristian yang sedang menjajah Baitul Maqdis) telah ditawan.

Menurut ahli sejarah Kristian sendiri, bahawa pada malam sebelum terjadi pertempuran *Ḥiṭṭin* itu, enam orang dari pahlawan-pahlawan tentera Salib, dengan tidak dipaksa telah datang memeluk Islam, lalu menyatukan diri dalam barisan tentera Islam. Demikian juga Raymond yang ketiga, ketua pemerintahan daerah *Trābalas* (*Tripoli* Negeri *Sham*), selain daripada menyatakan Islamnya, ia juga berjanji kepada Sultan Ṣalāḥ al-Din al-Ayūbī, akan mengajak rakyatnya memeluk Islam.

Demikian juga kejadian itu berlaku lagi sesudah zaman Ṣalāḥ al-Din.

Dalam peperangan Salib yang ketiga, tatkala tentera Salib mengepung bandar ‘*Akā* dalam kemaraan mereka hendak merampas Baitul Maqdis yang telah jatuh ke tangan tentera Islam, mereka telah mendapat pertentangan yang hebat dari penduduk bandar itu sehingga banyak dari mereka (tentera Salib) terpaksa menyerah diri kepada tentera Islam. Sebahagian daripada mereka itu, ada yang terus memeluk Islam, ada yang balik kepada kaumnya dan ada pula yang tetap di dalam agamanya-Kristian, tetapi terus berjuang dalam barisan tentera Islam.

Dari peristiwa-peristiwa yang tersebut, baik yang terjadi di timur atau di barat, baik yang terjadi dalam kurun yang pertama ataupun yang ketujuh, baik yang terjadi dalam kalangan orang-orang yang datang menyerang Islam atau pun bangsa-bangsa yang bersikap damai terhadapnya, nyatalah betapa Islam mendapat perhatian dan timbang rasa dari pihak kawan dan lawan, kerana kelebihan sifat lapang dada dan bertolak ansur yang ada padanya.